



**IKLAN JAWATAN KOSONG (TERBUKA)
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
(KEUTAMAAN KEPADA ANAK NEGERI SEMBILAN)**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

BIL.	NAMA JAWATAN / GRED	KEKOSONGAN	JADUAL GAJI		KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
			MINIMUM	MAKSIMUM	
1.	Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L29 [Tetap]	1	RM1,773.00	RM5,674.00	RM145.00
2.	Penolong Jurutera (Awam) Gred JA29 [Tetap]	1	RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00
3.	Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29 [Tetap]	1	RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00
4.	Penolong Jurutera (Mekanikal) Gred JA29 [Kontrak]	1	RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00
5.	Pembantu Penilaian Gred W19 [Tetap/Kontrak]	1	RM1,353.00	RM4,005.00	RM100.00
6.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 [Tetap/Kontrak]	2	RM1,352.00	RM4,003.00	RM100.00
7.	Pembantu Operasi Gred N11 [Kontrak]	1	RM1,216.00	RM2,983.00	RM80.00
8.	Pemandu Kenderaan Gred H11 [Tetap]	1	RM1,218.00	RM2,939.00	RM80.00
9.	Pembantu Awam Gred H11 [Tetap]	8	RM1218.00	RM2,939.00	RM80.00

* Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH).

A. SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi dari 54 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

B. KELAYAKAN LANTIKAN:

1. PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L29 [1 KEKOSONGAN] [TETAP]

- i) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L29:RM1,773.00);
atau

- ii) Diploma Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah Gred L29:RM1,847.86)

- iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred (C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. PENOLONG JURUTERA (AWAM) [1 KEKOSONGAN] GRED JA29 [TETAP]

- i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00);
atau

- ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,935.02).

- iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**3. PENOLONG PEGAWAI SENI BINA [1 KEKOSONGAN]
GRED JA29 [TETAP]**

- i) Sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00);
atau

- ii) Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah Gred JA29:RM1,935.02)

- iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**4. PENOLONG JURUTERA(MEKANIKAL) [KEKOSONGAN 1]
GRED JA29 (KONTRAK]**

- i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00);
atau

- ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,935.02).

- iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Syarat Tambahan)

Diploma dalam bidang mekanikal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**5. PEMBANTU PENILAIAN [1 KEKOSONGAN]
GRED W19 [TETAP/KONTRAK]**

- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat pemeriksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00);
atau

- ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40)

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80).

- iv) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**6. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) [2 KEKOSONGAN]
GRED N19 [TETAP/KONTRAK]**

- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00);
Atau

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan mengambil trengkas).

- ii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

7. PEMBANTU OPERASI GRED N11 [KONTRAK] [1 KEKOSONGAN]

- i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00)

- ii) PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00)

- iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tinggi Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**8. Pemandu Kenderaan Gred H11 [1 Kekosongan]
[TETAP]**

- i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan [P]); dan
- iii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D: RM1,264.15
- Lesen E/E1/E2: RM1,310.30
- Lesen F/H: RM1,356.45
- Lesen G/I: RM1,402.60

(Keutamaan diberi kepada calon yang memiliki lesen memandu Kelas E dan ke atas)

- iv) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

9. Pembantu Awam Gred H11 [TETAP] [8 Kekosongan]

- i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (Gaji permulaan ialah Gred H11:RM1,218.00).
- ii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

C. CARA MEMOHON

- i) Borang permohonan boleh dimuat turun di laman web rasmi MPPD di ***www.mppd.gov.my***.
- ii) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan maklumat-maklumat yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Kerajaan Gred A (Gred 41 dan ke atas)/Penghulu/Pengerusi JKKK.
 - a. Gambar warna ukuran pasport;
 - b. My Kad/Kad Pengenalan;
 - c. Sijil kelahiran (surat beranak);
 - d. Sijil berhenti sekolah;
 - e. Sijil Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah (PMR);
 - f. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
 - g. Diploma dalam bidang yang berkaitan;
 - h. Lain-lain sijil yang berkaitan.
- iii) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dan menyertakan bersama-sama dengan **Kenyataan Perkhidmatan** yang dikemaskini dan **Laporan Prestasi Tahun 2018**.
- iv) Nama jawatan hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah:

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Port Dickson,
Km 1, Jalan Pantai,
71009 Port Dickson.
(u.p.: Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia)**

D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 25 JANUARI 2019

E. PERMOHONAN YANG BERIKUT AKAN DITOLAK SEKIRANYA:

- i) Borang permohonan tidak lengkap atau tidak bergambar;
- ii) Tidak memenuhi syarat iklan; dan
- iii) Tidak disertakan dokumen sokongan yang diakui sah dan tidak ditandatangani.

F. PERHATIAN

- i) Hanya calon yang berkelayakan selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dipanggil melalui telefon atau surat untuk ujian bertulis dan temu duga.
- ii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya (Tiada makluman bersurat/telefon akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson).
- iii) Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan segala keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah **MUKTAMAD**.